

KEJOHANAN BOLING PIALA REKTOR STAF UiTM CAWANGAN SARAWAK

Oleh
Mohammad Bin Abang

Pasukan Kolej Strikers muncul juara Kejohanan Tenpin Bowling Piala Rektor Staf UiTM Cawangan Sarawak 2023 kategori lelaki yang berlangsung di Megalanes Sarawak Batu Kawa baru-baru ini. *Kolej Strikers* yang dibarisi Zulfadli Sukardi bersama-sama Berahim Pon, Mohamad Isa dan Mohd Noor Ismail. *Kolej Strikers* mengungguli kejohanan kali ini apabila berjaya membuat 2,383 jatuhan pin keseluruhan. Kecemerlangan Zulfadli diteruskan apabila diumumkan sebagai pemenang kategori individu dengan 843 jatuhan pin diikuti Mohd Fauzi dari pasukan Unit Sukan A di tempat kedua dengan 621 jatuhan pin sementara Mohammad Abang dari pasukan Adminion's A (Pentadbiran) di tempat ketiga dengan 573 jatuhan pin.

Tempat kedua kategori berpasukan menjadi milik pasukan *Unit Sukan A* dengan 2,036 jatuhan pin. Pasukan Unit Sukan A yang diwakili Mohd Fauzi, Mohd Khairulazlin, Yacub Morshidi dan Mohd Fareez berjaya mengetepikan pasukan Belasah Jak yang diwakili Noor Azland, Amir Nazarudin, Ir Jamil Matarul dan Embam Daud dengan 2,002 jatuhan pin di tempat ketiga. Pasukan *Adminion's A (Pentadbiran)* yang diwakili Mohamad Arif, Awang Zaini, Wan Fakhruazi dan Mohammad Abang menduduki tempat keempat dengan 1,989 sementara *Pujut K.A.B Bowl* pula ditempatkan kelima. Pasukan yang diwakili Khairul Anuar, Awang Ihsan, Ku Mohd Asyraf dan Mohd Dzuliqyan itu membuat 1,887 jatuhan pin.

Juara bertahan *The Queens* berjaya mencipta hatrik apabila sekali lagi muncul juara pada edisi kejohanan kali ini bagi kategori wanita. Pasukan yang diwakili Jacqueline, Nurul Lizzan, Affidah dan Siti Huzaimah berjaya membuat 1,986 jatuhan pin sekaligus mengekalkan mahkota kejuaraan yang dimenangi dalam dua edisi sebelum ini. Tempat kedua pula menjadi milik pasukan *Padu Mesra* yang diwakili Rattimareni, Norhafiza, Aliza dan Aida Lina dengan 1,607 jatuhan pin sementara pasukan *Adminion's* pula menduduki tempat ketiga. *Adminion's* yang diwakili Syazleena, Azian Erwati, Fadzilla Maliki dan Doris George berjaya membuat 1,537 jatuhan pin. Pasukan *Haes Team* pula yang diwakili Hemyza, Aiza Johari, Eda Tua dan Sheela Faizura di tempat keempat dengan 1,468 jatuhan pin dan pasukan *Kolej Strikers* yang dianggotai Flora Lika, Salmah Umar, Zatil Hidayah dan Nurdiana Abdullah di tempat kelima dengan 1,453 jatuhan pin.

Bagi kategori individu wanita pula, Siti Huzaimah turut mengungguli kategori berkenaan apabila berjaya membuat 593 jatuhan pin diikuti Salmah Umar dengan 565 jatuhan pin dan Aliza ditempatkan ketiga dengan 562 jatuhan pin. Bagi kategori individu lelaki, kehebatan Zulfadli Sukardi dari pasukan *Kolej Strikers* sukar digugat apabila berjaya membuat jatuhan pin tertinggi dengan 843 jatuhan pin diikuti Mohd Fauzi Unit Sukan A di tempat kedua dengan 621 sementara Mohammad Abang dari pasukan *Adminion's A (Pentadbiran)* di tempat ketiga dengan 573 jatuhan pin.

Kejohanan kali ini berjaya menarik penyertaan sebanyak 28 pasukan yang terdiri daripada 16 pasukan lelaki dan 12 pasukan wanita termasuk pasukan dari kampus Mukah. Kejohanan yang berlangsung di Megalanes Sarawak Batu Kawa itu anjuran Kelab KEKITA UiTM Cawangan Sarawak dan lebih manis turut disertai oleh Prof. Dato Dr. Jamil Haji Hamali, Rektor UiTM Cawangan Sarawak yang mewakili pasukan Pejabat Rektor (R1) yang turut menyampaikan hadiah kepada pemenang utama. Turut hadir pada majlis penyampaian hadiah adalah Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri, Prof. Dr. Abang Zainoren Abang Abdulrahman serta En. Awangku Indera Awang Sahbudin, Pemangku Presiden KEKITA.

